

**NO. SOALAN: 360**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]**

**RUJUKAN : 7298**

**SOALAN:**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [ Lanang ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengurangkan kes jenayah terutama kes ragut dan 'pickpocket' di tempat pelancongan agar menarik lebih banyak pelancong datang ke negara kita; dan
- (b) sama ada lebih banyak CCTV akan dipasang di setiap tempat pelancongan untuk keselamatan pelancong dan rakyat Malaysia sendiri.

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia mengalu-alukan kemasukan pelancong asing ke negara ini dan memberikan penekanan yang sama rata terhadap keselamatan mereka. Antara langkah-langkah yang telah diambil bagi mengurangkan kes jenayah di tempat pelancongan adalah:
- i) Program *Omnipresence* seperti *Feet On Street, Stop and Talk* dan *High Profile Policing* bagi membolehkan orang ramai merasai kehadiran Polis DiRaja Malaysia (PDRM) di samping menggalakkan pegawai untuk berinteraksi dengan orang ramai, termasuk pelancong untuk memupuk hubungan yang lebih erat;
  - ii) Pada masa yang sama, bilangan Sukarelawan Simpanan Polis (*Police Volunteer Reserve – PVR*) yang ditugaskan di kawasan *hotspot* jenayah untuk menyokong dan membantu dalam tugas-tugas kepolisan ditambah;
  - iii) Program *Go-To-Safety Points* yang melibatkan kerjasama di antara pihak berkuasa dengan pihak swasta di mana pekerja syarikat yang menyertai program ini iaitu 7-Eleven, Pos Malaysia Bhd dan stesen minyak Petron serta Shell dilatih oleh PDRM untuk memberikan bantuan awal sekiranya berlaku kejadian jenayah;

- iv) Kerjasama *Safecam PDRM* (*PDRM Safecam Partnership*) adalah merupakan satu inisiatif perkongsian pintar di mana pihak PDRM boleh membuat rujukan kepada rakaman CCTV yang dikendalikan ahli kerjasama ini, baik pihak awam maupun pihak swasta apabila berlaku sesuatu kejadian jenayah di kawasan mereka;
  - v) Penubuhan unit Polis Pelancong yang dilatih khusus untuk memberi bantuan kepada pelancong dari dalam dan luar negara di samping bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan; dan
  - vi) Pelaksanaan Program Bandar Selamat yang menekankan kepada langkah-langkah pencegahan jenayah yang boleh dilaksanakan dengan cepat, mudah dan di dalam masa yang singkat oleh semua PBT, seperti pengasingan laluan pejalan kaki dari jalan bermotor, pencahayaan, membersih/mengemas kawasan semak dan yang terlindung, pemasangan CCTV serta penyediaan cermin keselamatan.
- b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini sejumlah 992 CCTV telah dipasang di bawah dua (2) fasa sebagai sebahagian dari Program Bandar Selamat di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah. Proses pemasangan CCTV ini telah diselia oleh Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

(KPKT) sebagai *stakeholder* dengan kerjasama PDRM. Pada masa ini, pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah bekerjasama dalam usaha menangani jenayah dengan menyediakan pemasangan CCTV di tempat-tempat strategik.

Bagi menjamin keberkesanan penggunaan CCTV bagi mengurangkan jenayah ia perlu dibantu dengan pencahayaan yang baik dan juga kehadiran pegawai-pegawai keselamatan. Ia juga turut membantu pihak polis sampai ke tempat kejadian dengan cepat dan membuat orang awam merasa lebih selamat. Sistem-sistem CCTV sedia ada dan akan datang jika disambungkan kepada pusat kawalan PDRM di peringkat IPK atau IPD sudah pasti akan dapat membantu mengurangkan kadar jenayah.

Memang tidak dinafikan bahawa pemasangan CCTV ini sedikit banyak telah membantu dalam mengurangkan kadar jenayah. Hal ini terutamanya apabila CCTV itu dapat berfungsi sebagai “deterrence” kepada kejadian jenayah. Kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa orang awam akan rasa lebih selamat dengan adanya CCTV ini. Namun, CCTV ini mesti berfungsi dengan baik bagi membolehkan para anggota Polis sampai ke tempat kejadian dengan cepat. Untuk makluman, cadangan pemasangan CCTV pada masa hadapan adalah bergantung kepada jumlah peruntukan semasa. Lokasi pemilihan

**CCTV akan ditentukan secara bersama oleh PDRM dan Pihak Berkuaasa Tempatan berdasarkan kepada jenayah indeks.**